



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2020

TATACARA PENGUMPULAN SAMPEL KAYU DI TEMPAT KEJADIAN KESALAHAN HUTAN UNTUK ANALISA PENGECAMAN KAYU MELALUI KAEDAH *DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA)*

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam menjalankan kerja-kerja pengumpulan sampel kayu di tempat kejadian bagi tujuan analisa pengecaman kayu melalui kaedah *deoxyribonucleic acid (DNA)* dalam siasatan kes kesalahan hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik atau tempat-tempat lain yang melibatkan kayu di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Kaedah-Kaedah Hutan (KKH) dan Akta Industri Berasas Kayu [Akta 314].

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling ini adalah selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 1 Tahun 2017: Garis Panduan Forensik Perhutanan bagi Perkara 5.0 Pengendalian Barang Kes yang melibatkan tunggul kayu dan tual kayu.
- 2.2 Sains forensik merupakan penggunaan prosedur dan ilmu sains dalam sesuatu penyiasatan kes jenayah bagi merungkaikan kerumitan penyelesaian kes dan mengenalpasti bukti kukuh yang boleh mengaitkan seseorang/ tertuduh dengan sesuatu kesalahan.
- 2.3 Dalam kes kesalahan hutan, pokok yang ditebang di tempat kejadian merupakan bukti utama ke atas berlakunya sesuatu aktiviti kesalahan hutan. Oleh itu, adalah penting untuk membuktikan bahawa kayu tersebut adalah sepadan dengan tunggul pokok yang ditemui di tempat kejadian.
- 2.4 Pada masa kini, JPSM masih bergantung kepada bukti anatomi kayu untuk menghubungkaitkan tertuduh dengan pokok yang ditebang. Akan tetapi, kaedah ini adalah tidak memadai kerana terhad kepada pengecaman jenis kumpulan kayu dan tidak dapat mengecam sehingga ke peringkat spesies atau individu. Kaedah ini juga tidak dapat mengaitkan kesepadan kayu dengan tunggul pokok di tempat kejadian yang dapat mengaitkan sesuatu kes kesalahan hutan.

- 2.5 Bagi mengatasi keterbatasan pengecaman kayu melalui anatomi, kaedah DNA boleh digunakan untuk analisa berikut:
- i. Identifikasi (identification) dan menentusah (authentication) spesies kayu;
 - ii. Mengenalpasti tempat asal kayu (geographic origin); dan
 - iii. Pengesanahan (tracking) dan pemandangan (matching) kayu ke tunggal pokok asal.
- 2.6 Pengaplikasian sains forensik melalui pengecaman kaedah DNA dalam sektor perhutanan adalah penting dalam penguatkuasaan Akta 313 dan Akta 314 terutamanya dalam memperkuuhkan aspek siasatan dan pendakwaan sesuatu kes kesalahan hutan.
- 2.7 Dalam melaksanakan pekeliling ini, tafsiran berikut digunakan:
- i. *Deoxyribonucleic acid* (DNA) – Juzuk utama yang membentuk bahan genetik yang menentukan struktur dan fungsi organisma hidup.
 - ii. Reagen - bahan (molekul, ion, radikal bebas dll.) yang digunakan atau yang terlibat dalam tindak balas kimia.
 - iii. Kambium - Lapisan sel yang menghasilkan sel-sel baru (terletak di antara xilem dan floem sekunder) pada tumbuhan yang mempunyai xilem dan floem.
 - iv. Teras kayu (heartwood) - lapisan pada bahagian tengah batang pokok yang masih hidup, yang tidak mempunyai sel hidup dan yang bahan simpanannya dikeluarkan atau diubah menjadi bahan yang lebih tahan. Lapisan ini biasanya berwarna lebih gelap daripada gubal kayu.
 - v. Kayu gubal (sapwood) - Bahagian luar kayu yang mengandungi sel hidup dan bahan simpanan seperti kanji. Biasanya gubal kayu berwarna lebih muda dibandingkan dengan warna teras kayu, kecuali beberapa jenis kayu seperti kayu jelutong dan ramin, yang warna gubal kayu dan teras kayunya serupa. Gubal kayu mempunyai ketahanan yang lebih rendah daripada teras kayu tetapi lebih mudah diawet.



3.0 PENGUMPULAN SAMPEL KAYU DI TEMPAT KEJADIAN

Setelah menerima arahan daripada Pegawai Penyiasat, Pegawai Forensik akan membentuk pasukan untuk menjalankan pengumpulan sampel kayu di tempat kejadian bagi tujuan pengecaman melalui kaedah DNA. Berikut adalah peralatan kerja yang diperlukan dan tatacara yang perlu diikuti:



3.1 Peralatan Kerja/ Kelengkapan dan Reagen

Terdapat dua (2) kategori peralatan kerja yang digunakan untuk tujuan pengumpulan sampel kayu di tempat kejadian:

- a) Peralatan kerja/ kelengkapan utama – Peralatan kerja/ kelengkapan dan reagen dengan spesifikasi khusus atau yang dicadangkan oleh Jabatan.
- b) Peralatan kerja/ kelengkapan tambahan – Peralatan kerja/ kelengkapan sokongan tanpa spesifikasi khusus.

Bil.	Peralatan Kerja/ Kelengkapan Utama	Spesifikasi Yang Dicadangkan
i.	Pengorek sampel kayu - (increment borer)	<ul style="list-style-type: none"> - Diameter teras: 1.2 – 1.5 cm - Jenis bahan: Keluli 
ii.	Penebuk keluli berongga (hollow steel punch)	<ul style="list-style-type: none"> - Diameter penebuk keluli berongga: 2.0 – 5.0 cm - Jenis bahan: Keluli 
iii.	Penyambung sepana (wrench extension)	<ul style="list-style-type: none"> - Diameter penyambung sepana: 2.0 – 5.0 cm - Jenis bahan: Keluli 
iv.	Gel silika	<ul style="list-style-type: none"> - Saiz manik: 0.3 - 0.6 cm - Warna manik: Biru - Jenis bahan: Silikon dioksida 

v.	<p>Etanol</p> 	<ul style="list-style-type: none"> - Nama lain: Etil alkohol - Kepekatan: 70% (70% etil alkohol dan 30% air) <p><i>(Larutan 70% etanol disimpan dalam botol penyembur mini jenis plastik)</i></p>
vi.	<p>Beg Kertas Rekod Barang Kes dan Rantaian Bahan Bukti (Chain of Custody) (rujuk di LAMPIRAN 1)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Saiz: 12.0 cm x 22.0 cm x 7.0 cm - Warna: Coklat - Jenis bahan: Kertas
vii.	<p>Beg berkunci zip (ziplock bag) yang mempunyai cetakan berikut: (rujuk di LAMPIRAN 2)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor pengenalan • Jenis sampel • Nama spesies • Nama tempatan • Diameter • Lokasi • Koordinat GPS • Tarikh dan masa pungutan sampel • Nama pengumpul 	<ul style="list-style-type: none"> - Saiz : 12.0 cm x 18.0 cm dan 18.0 cm x 25.0 cm - Jenis bahan : Plastik lutsinar
viii.	<p>Pen Penanda (marker pen)</p> 	<ul style="list-style-type: none"> - Jenis dakwat : Kekal
ix.	<p>Tisu</p> 	<ul style="list-style-type: none"> - Gred makmal

Peralatan Kerja/ Kelengkapan Tambahan Tanpa Spesifikasi Khusus			
i.	Tukul besi	iv.	Pita ukur
			
ii.	Global Positioning System (GPS)	v.	Sarung tangan getah
			
iii.	Pita pelekat Jabatan yang mempunyai logo Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)	vi.	Beg berkunci zip (ziplock bag) bersaiz besar tanpa label
			

3.2 Tatacara Pengumpulan Sampel Kayu

3.2.1 Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam pengumpulan sampel kayu iaitu:

- a) Pengumpulan sampel kayu di bahagian kambium menggunakan penebuk keluli berongga; dan
- b) Pengumpulan sampel kayu di bahagian teras kayu menggunakan pengorek sampel kayu.

3.2.2 Hanya satu kaedah pengumpulan sampel kayu sahaja perlu dipilih bergantung kepada keadaan tual dan tungkul kayu tersebut.

3.2.3 Pengumpulan sampel kambium kayu hanya dijalankan sekiranya kambium dalam keadaan yang elok di mana masih terdapat kulit kayu pada tual/ tunggul tersebut. Jika kulit kayu telah rosak/ tidak sempurna atau apa-apa keadaan yang menyebabkan kambium sukar diperolehi, maka pengumpulan sampel kayu perlu dilakukan di bahagian teras kayu.

3.2.4 Tatacara pengumpulan sampel kayu adalah seperti berikut:

- i. Penebuk keluli berongga (untuk sampel kambium) dan pengorek sampel kayu (untuk sampel teras kayu) hendaklah dibersihkan dengan menggunakan etanol (larutan 70%) yang diisi dalam botol penyembur mini jenis plastik dan dibersihkan dengan tisu bagi mengelakkan kontaminasi. Proses ini hendaklah diulang bagi pengambilan sampel dari tual/ tunggul yang berlainan.
- ii. Penebuk keluli berongga ditukul ke permukaan kulit kayu tual/tunggul pokok dengan menggunakan tukul besi sehingga terhenti di teras kayu tual/ tunggul pokok tersebut.
- iii. Sampel kambium kayu kemudiannya dikeluarkan dari penebuk keluli berongga dengan menggunakan penyambung sepana (wrench extension).



- iv. Bagi sampel teras kayu, pengorek sampel kayu digerudi ke dalam teras kayu sedalam 10.0 hingga 20.0 cm ke dalam lapisan kayu gubal (sapwood).



- v. Ulang langkah (ii) dan (iv) bagi mendapatkan 5 hingga 10 sampel kayu dari setiap kayu tual/ tungkul pokok.
- vi. Sampel kayu kemudiannya dibalut dengan tisu dan disimpan di dalam beg berkunci zip (ziplock bag) yang berisi tidak kurang daripada 80 g atau 80 ml gel silika. Sekiranya gel silika telah bertukar warna kepada merah jambu, gel silika yang baru hendaklah ditambah ke dalam beg berkunci zip untuk mengelakkan degradasi DNA pada sampel kayu.
- vii. Dengan menggunakan pen penanda, maklumat pada beg berkunci zip (ziplock bag) hendaklah dilengkapkan.
- viii. Beg berkunci zip (ziplock bag) kemudian dimasukkan ke dalam beg kertas Rekod Barang Kes dan Rantaian Bahan Bukti yang telah dilengkapkan maklumat dan seterusnya ditampal dengan pita pelekat Jabatan. Pegawai Forensik hendaklah menandatangan di antara pita pelekat dan Beg Kertas Rekod Barang Kes dan Rantaian Bahan Bukti (Chain of Custody) (rujuk di **LAMPIRAN C**).
- ix. Sampel kambium kayu dihantar ke institusi atau makmal yang diiktiraf untuk pengecaman sampel kayu melalui kaedah DNA.

4.0 PENYERAHAN SAMPEL KAYU KE INSTITUSI ATAU MAKMAL YANG DIIKTIRAF UNTUK PENGECAMAN SAMPEL KAYU MELALUI KAEDAH DNA

Penyerahan sampel kayu yang terlibat dengan kes kesalahan hutan adalah dilakukan oleh Pegawai Forensik kepada Pegawai Penyiasat yang ditugaskan untuk mengendalikan kes kesalahan hutan tersebut menggunakan **Borang Rekod Barang Kes dan Rantaian Bahan Bukti (Chain of Custody) (SFH006)** [seperti di Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2017 – Garis Panduan Forensik Perhutanan] seperti di **LAMPIRAN 1**.

- 4.1 Pegawai Penyiasat adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan keselamatan sampel kayu dalam jagaannya sehingga sampel kayu tersebut diserahkan ke institusi atau makmal yang diiktiraf untuk tujuan analisa.
- 4.2 Sampel kayu hendaklah diserah pada hari yang sama. Sekiranya sampel kayu tidak dapat diserahkan pada hari tersebut, sampel kayu hendaklah disimpan di dalam kabinet berkunci atau di tempat yang selamat dan dihantar seberapa segera dan tidak melebihi 48 jam ke institusi atau makmal yang diiktiraf untuk mengelakkan degradasi DNA pada sampel kayu.
- 4.3 Pegawai Penyiasat hendaklah memastikan keputusan ujian diperolehi setelah penganalisaan selesai dijalankan.
- 4.4 Maklumat penyerahan sampel kayu ke institusi atau makmal yang diiktiraf hendaklah direkod dengan menggunakan **Borang Permohonan Analisa dan Serahan Sampel Barang Kes (Borang SFH008)** [seperti di **Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2017 – Garis Panduan Forensik Perhutanan**] seperti di LAMPIRAN 2.

5.0 CARTA ALIR

Carta alir Tatacara Pengumpulan Sampel Kayu Di Tempat Kejadian Kesalahan Hutan Untuk Analisa Pengecaman Spesies Kayu Melalui Kaedah *Deoxyribonucleic Acid (DNA)* adalah seperti di LAMPIRAN 3.

6.0 PEMATUHAN PEKELILING

- 6.1 Pekeliling yang dikeluarkan ini hendaklah berkuat kuasa dan dianggap sah sehingga dipinda atau diganti dengan satu pekeliling lain atau dibatalkan.
- 6.2 Keengganan dan kegagalan mematuhi Pekeliling ini tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan seseorang Pegawai Perhutanan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan peraturan lain yang berkuat kuasa.

7.0 TARIKH BERKUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 2 Januari 2020

LAMPIRAN 1
Borang SFH006

REKOD BARANG KES DAN RANTAIAN BAHAN BUKTI

JABATAN PERHUTANAN NEGERI:

NO. REPOT POLIS:		NO. KERTAS SIASATAN:		
TARIKH DAN MASA PENYERAHAN:		LOKASI PENYERAHAN: DISERAH OLEH:		
SUMBER BAHAN BUKTI (siapa dan/atau lokasi): LOKASI DIJUMPAI DI: DIAMBIL DARI: DITERIMA DARI:		TAJUK KES DAN CATATAN:		
NO. ITEM	KETERANGAN BAHAN BUKTI (termasuk nombor tag dan sebarang nombor siri)			
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENYERAH	TARIKH PENYERAHAN	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN <hr/>
	KEPADA: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENERIMA	TARIKH PENERIMAAN	
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENYERAH	TARIKH PENYERAHAN	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN <hr/>
	KEPADA: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENERIMA	TARIKH PENERIMAAN	
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENYERAH	TARIKH PENYERAHAN	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN <hr/>
	KEPADA: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENERIMA	TARIKH PENERIMAAN	



BORANG PERMOHONAN ANALISA DAN SERAHAN SAMPEL BARANG KES

A. MAKLUMAT BARANG KES

No. Repot Polis :
No. Kertas Siasatan (IP) :
Nama Pegawai Penyiasat :
Jawatan/ Gred :
Negeri/ Bahagian :

B. METERI JABATAN

C. RINGKASAN肯YATAAN KES

Contoh:

Sampel kambium kayu daripada tungkul kayu yang disyaki ditebang secara haram. Sampel dalam keadaan kering dan perlu disimpan dalam bungkusan berisi gel silika.

.....
.....
.....
.....

D. KEADAAN BARANG KES DAN BAGAIMANA DITANDA UNTUK PENGENALAN

(Nota: Jika sekiranya ruangan ini tidak mencukupi, sila gunakan lampiran)

Contoh:

Satu (1) bungkusan plastik/ beg kertas/ kotak berlabel "No. IP Kes"

.....
.....

E. PENGANALISAAN YANG DIKEHENDAKI

(Sila tandakan ✓ pada ruangan Ya atau Tidak untuk jenis penganalisaan yang dikehendaki)

BIL.	JENIS PENGANALISAAN	YA	TIDAK
1	Pengecaman morfologi kayu		
2	Pengecaman spesies, populasi dan individu kayu berdasarkan DNA		
3	Pengecaman DNA manusia		
4	Pengecaman cap jari		
5	Pengecaman nombor casis		
6	Analisa minyak		
7	Analisa tanah		
8	Pemeriksaan dokumen		

F. AKUAN PENGHANTARAN

SAYA SEPERTI NAMA DI BAWAH MENGESAHKAN BAHAWA BARANG KES TERSEBUT DI ATAS DISERAHKAN DALAM KEADAAN BAIK DAN BERTUTUP DAN BARANG KES YANG TERKANDUNG DI DALAMNYA TIDAK PERNAH DIGANGGU.

SAYA JUGA MENGESAHKAN BAHAWA BARANG KES TERSEBUT DI ATAS TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN DALAM KEADAAN ASAL AKIBAT PROSES-PROSES MAKMAL YANG MEMERLUKAN KEADAAN ASAL BARANG KES TERSEBUT DIUBAH.

.....
 Nama Pegawai Penyiasat :
 Jawatan/ Gred :
 Tarikh :
 Masa :


G. AKUAN PENERIMA

SAYA MENGESAHKAN BAHAWA BARANG KES TERSEBUT TELAH DIPERIKSA DAN SEGALA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH TEPAT. ADALAH DISAHKAN JUGA BUNGKUSAN BARANG KES ADALAH BERTUTUP DAN DALAM KEADAAN BAIK.

.....
 Penerima :
 Jawatan/ Gred :
 Jabatan/ Agensi :
 Tarikh :
 Masa :

LAMPIRAN 3

CARTA ALIR TATACARA PENGUMPULAN SAMPEL KAYU DI TEMPAT KEJADIAN KESALAHAN HUTAN UNTUK PENGECAMAN KAYU MELALUI KAEDAH *DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA)*




LAMPIRAN A

**Contoh Beg Kertas Rekod Barang Kes dan Rantaian Bahan Bukti
(Chain of Custody)**

REKOD BARANG KES DAN 'CHAIN OF CUSTODY'					
IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA/ JABATAN PERHUTANAN NEGERI <i>Selangor</i>				NO. FAIL: INV.	
TARIKH DAN MASA PENYERAHAN: <i>13/8/2016 3pm</i>		KAWASAN: <i>HS Hulu Langat</i>	PENYERAHAN BUKTI OLEH: <i>Mohd Izaruddin</i>		
SUMBER BAHAN BUKTI (slapa dari/ atau lokasi): DIAMBIL DARI: <i>HS Hulu Langat</i> DITERIMA DARI: <i>Mohd Izaruddin</i> DIUJMPAI DI: <i>HS Hulu Langat</i>		TAJUK KES DAN CATATAN: <i>Penceraikan HS Hulu Langat</i>			
NO. ITEM	KETERANGAN BAHAN BUKTI (termasuk nombor tag dan sebarang nombor siri)				
	<i>Sampel Kambium Chengal MGF 003</i>				
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Ken Ng (FRIM)</i> KEPADА: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Mohd Izaruddin (PNS)</i>	TANDATANGAN PENYERAH <i>[Signature]</i>	TARIKH PENYERAHAN <i>13/8/2016</i>	TARIKH PENERIMAAN <i>13/8/2016</i>	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input checked="" type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Mohd Izaruddin (PNS)</i> KEPADА: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Lee SL (FRIM)</i>	TANDATANGAN PENYERAH <i>[Signature]</i>	TARIKH PENYERAHAN <i>14/8/2016</i>	TARIKH PENERIMAAN <i>14/8/2016</i>	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input checked="" type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Lee SL (FRIM)</i> KEPADА: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Mohd Izaruddin (PNS)</i>	TANDATANGAN PENYERAH <i>[Signature]</i>	TARIKH PENYERAHAN <i>26/8/2016</i>	TARIKH PENERIMAAN <i>26/8/2016</i>	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input checked="" type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) KEPADА: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENYERAH	TARIKH PENYERAHAN	TARIKH PENERIMAAN	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) KEPADА: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENERIMA	TARIKH PENERIMAAN	TARIKH PENERIMAAN	DIHANTAR MELALUI: <input type="checkbox"/> SURAT <input type="checkbox"/> ORANG <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN

LAMPIRAN B

Beg Berkunci Zip (Ziplock Bag)



- Nombor Pengenalan :
- Jenis Sampel :
- Nama Spesies :
- Nama Tempatan :
- Diameter :
- Lokasi :
- Koordinat GPS :
- Tarikh Dan Masa Pungutan Sampel :
- Nama Pengumpul :

LAMPIRAN C

Beg Kertas Rekod Barang Kes dan Rantaian Bahan Bukti (Chain of Custody)
yang telah dilengkapkan maklumat dan seterusnya ditampal dengan pita pelekat
Jabatan dan ditandatangan oleh Pegawai Forensik

REKOD BARANG KES DAN 'CHAIN OF CUSTODY'					
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA / JABATAN PERHUTANAN NEGARA <i>Selangor</i>		KAWASAN:	PENERAHAN BUKTI OLEH:		NO. FAIL. INV.
TARikh DAN MASA PENYERAHAN: <i>13/8/2016 3pm</i>		<i>HS Hulu Langat</i>	<i>Mohd Izaruddin</i>		
NOMBOR BUKTI (jelepah dan/ atau lokasi): <i>PERHUTANAN</i>		TAJUK KES DAN CATATAN: <i>Pencerobohan HS Hulu Langat</i>			
DIAMBIL DARI: <i>HS Hulu Langat</i>		DITERIMA DARI: <i>Mohd Izaruddin</i>			
DUJUMPA DI: <i>HS Hulu Langat</i>					
NO. ITEM	KETERANGAN BAHAN BUKTI (termasuk nombor tag dan sebarang nombor siri)				
	<i>Sample Kambium Chengal MGF 003</i>				
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Kenn Ng (FRIM)</i>	TANDATANGAN PENYERAH <i>[Signature]</i>	TARikh PENYERAHAN <i>13/8/2016</i>	TARikh PENERIMAAN <i>13/8/2016</i>	DIHANTAR MELALUI: <input checked="" type="checkbox"/> SURAT ORANG LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Mohd Izaruddin (JPSN)</i>	TANDATANGAN PENYERAH <i>[Signature]</i>	TARikh PENYERAHAN <i>14/8/2016</i>	TARikh PENERIMAAN <i>14/8/2016</i>	DIHANTAR MELALUI: <input checked="" type="checkbox"/> SURAT ORANG LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>Lee SL (FRIM)</i>	TANDATANGAN PENYERAH <i>[Signature]</i>	TARikh PENYERAHAN <i>26/8/2016</i>	TARikh PENERIMAAN <i>26/8/2016</i>	DIHANTAR MELALUI: <input checked="" type="checkbox"/> SURAT ORANG LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI) <i>KEPADA: (CETAK NAMA, AGENSI)</i>	TANDATANGAN PENYERAH <i>[Signature]</i>	TARikh PENYERAHAN	TARikh PENERIMAAN	DIHANTAR MELALUI: <input checked="" type="checkbox"/> SURAT ORANG LAIN-LAIN
NO. ITEM	DARI: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENYERAH	TARikh PENYERAHAN	TARikh PENERIMAAN	DIHANTAR MELALUI: <input checked="" type="checkbox"/> SURAT ORANG LAIN-LAIN
	KEPADA: (CETAK NAMA, AGENSI)	TANDATANGAN PENERIMA			